



## KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**KENYATAAN MEDIA  
YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH,  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

### **PERJUMPAAN DENGAN CUEPACS BAGI MEMBERI PENJELASAN MENGENAI ISU PENGEBILAN ELEKTRIK OLEH TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

---

1. Kementerian mengambil berat akan kenyataan media pihak Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) semalam mengenai isu pengebilan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad. Sebagai sebuah badan yang mempunyai bilangan ahli yang tinggi, adalah penting supaya CUEPACS mendapat gambaran sebenar mengenai kaedah pengebilan yang dilaksanakan oleh pihak TNB sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
  
2. Sehubungan itu, pegawai-pegawai Kementerian saya, Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad telah mengadakan perbincangan dengan pihak CUEPACS pada hari ini untuk mendengar pandangan dan memberi penjelasan kepada pihak CUEPACS berhubung perkara ini. Melalui perbincangan ini, saya berharap agar pihak CUEPACS akan mendapat gambaran sebenar isu pengebilan elektrik oleh TNB.

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI  
12 JUN 2020**